

10/10/1997

Menjamin ketelusan pasar mata wang

KEPERCAYAAN yang diberikan kepada Malaysia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menerajui usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang dunia adalah satu pengiktirafan besar kepada negara. Ia mencerminkan yang badan dunia itu yakin Malaysia mampu menghasilkan sesuatu yang inovatif bagi mewujudkan pasaran lebih telus dan berperaturan. Ini terbukti apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan cadangan Malaysia supaya bursa khas diwujudkan bagi kegiatan urus niaga pertukaran mata wang.

Menurut Dr Mahathir penubuhan bursa itu amat penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan kegiatan berkenaan disalah guna untuk tujuan manipulasi dan spekulasi. Semua urus niaga mesti mempunyai pasarannya. Jika urus niaga saham dan komoditi ada tempat khas, bagi urus niaga mata wang pun sepatutnya mestilah ada tempat yang dikhaskan. Paling penting ia mestilah didaftarkan. Tetapi apa yang berlaku dalam urus niaga mata wang ini, tidak ada bursa khas dan kita tidak tak tahu siapa yang membeli dan menjualnya.

Rasional cadangan demikian amat jelas. Dalam apa saja urus niaga pun, jika tidak ada sebarang peraturan, sifat tamak akan dilihat menjadi lebih dominan. Akhirnya, keuntungan mengatasi segalanya sehinggakan ekonomi negara tidak bermasalah pun boleh hancur. Bagi menjelaskan keadaan dalam urus niaga pasaran mata wang dunia ini, secara kasar bolehlah kita ibaratkan pedagang mata wang ini seperti pelumba motosikal haram. Mereka tidak mempunyai sebarang litar perlumbaan. Mereka sesuka hati menentukan jalan raya awam yang akan menjadi gelanggang perlumbaan. Tidak ada peraturan yang mereka patuhi dan tidak ada siapa yang menentukan sama ada peserta perlumbaan mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menjamin keselamatan. Motosikal yang digunakan pun tidak tentu dalam keadaan selamat. Akibatnya, kemalangan selalu berlaku. Bukan pelumba saja yang terkorban, malah pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah, turut teraniaya.

Mungkin perbandingan ini agak simplistik tetapi begitulah boleh kita gambarkan suasana urus niaga pasaran mata wang antarabangsa sekarang. Pedagang mata wang yang termasuk pengurus dana lindung nilai yang begitu agresif mencari keuntungan, memanglah boleh dikatakan tidak berwajah. Mereka beroperasi di mana-mana saja yang ada terminal komputer dan talian telefon. Tidak siapa yang mempunyai rekod profil mereka dan tidak siapa yang tahu berapa banyak dana yang dikuasai mereka dan dari mana datangnya wang berkenaan. Keadaan seperti inilah yang boleh membenarkan wang yang diperolehi secara haram seperti transaksi dadah dibersihkan menerusi pasaran mata wang.

Namun, seperti mana-mana cadangan baru yang lain, sudah tentu ada pihak yang skeptik dan mempersoalkan sama ada bursa khas yang dicadangkan Malaysia itu boleh diwujudkan atau sebaliknya. Kita berpendapat pandangan seperti ini tidak harus ditimbulkan pada peringkat ini kerana jika diusahakan bersungguh-sungguh, ia mampu direalisasikan, lebih-lebih lagi jika badan antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia sendiri sanggup memberi sokongan. Sebenarnya, Amerika Syarikat sendiri sudah berusaha untuk menjadikan pasarannya lebih telus dan berperaturan. Menurut peraturan di negara itu, setiap pengurus dana perlu didaftarkan di Suruhanjaya Bursa Sekuritanya. Segala profil mengenai pengurus ini diketahui dan segala transaksi mereka boleh dimantau. Masalahnya di negara itu ada pengurus

dananya didaftarkan di negara asing dan tidak tertakluk kepada peraturan yang memaksa mereka didaftarkan. Keadaan seperti inilah yang membolehkan pengurus dana ini beroperasi sesuka hati di mana-mana saja tanpa diawasi oleh mana-mana pihak.

Kritikan lantang Dr Mahathir terhadap kepincangan ini kini jelas menunjukkan tanda kejayaannya. Kepercayaan yang diberi oleh IMF dan Bank Dunia kepada Malaysia untuk menguruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang adalah contoh terbaik bahawa suara negara kini jelas diambil berat, walaupun pada mulanya ada sesetengah pihak yang tidak begitu setuju dengan suara lantang Dr Mahathir terhadap isu berkenaan. Kita berpendapat komitmen berterusan yang ditunjukkan negara dalam menentukan keadilan dalam sistem dagangan dunia berupaya memberi manfaat bukan hanya untuk Malaysia tetapi seluruh dunia.

(END)